

Britain gembira Mahathir sedia temui Thatcher

LONDON, Sabtu — Jabatan Luar British yang berusaha memperbaiki hubungan antara Malaysia dan negaranya, menyambut baik berita yang menyatakan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad bersedia menemui Perdana Menteri Britain, Puan Margaret Thatcher.

Kedua-dua pemimpin itu dijangka berunding mencari jalan menyelesaikan perselisihan antara kedua negara bila Datuk Seri Dr. Mahathir melawat kota ini secara tidak rasmi akhir bulan depan atau awal April.

"Kami sedang berhubung dengan Jabatan Perdana Menteri untuk menetapkan tarikh pertemuan itu," kata pegawai kanan pejabat itu.

Kedua-dua pemimpin itu seharusnya boleh bertemu apabila Datuk Seri Dr. Mahathir singgah di London sekembalinya dari Perhimpunan Agung Bangsa-Bangsa Bersatu di New York tidak lama dulu, tetapi Puan Thatcher tidak dapat meluangkan masa kerana menghadiri per-

sidangan Parti Konservatif ketika itu.

Adalah dipercayai, usaha Jabatan Luar British mengeratkan hubungan negaranya dengan Malaysia lebih mudah terlaksana kerana kerajaan British telah mengumumkan peruntukan yang lebih bagi membantu penuntut-penuntut luar Britain.

Dalam satu kenyataan, Setiausaha Luar, Encik Francis Pym, memberitahu peruntukan \$161 juta telah diluluskan untuk bantuan selama tiga tahun akan datang.

Malaysia, dengan jumlah penuntut luar paling ramai di Britain, dijangka mendapat perimbangan istimewa.

Sementara itu, dalam satu temuramah dengan akhbar harian British *Financial Times*, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, beliau gembira jika dapat bertemu Puan Thatcher.

Datuk Seri Dr. Mahathir yakin kerajaan British dan masyarakat perniagaannya sudah mengamalkan sikap positif untuk memastikan hubungan dengan Malaysia berada 'di taraf yang lebih menyenangkan'.